

Belia mesti berani sahut cabaran: PM

B.H 27 JUL 1993

Ⓟ

KOTA BHARU, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan belia dan pelajar supaya bersedia dan berani menghadapi cabaran memajukan diri ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara maju.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata, pelajar tidak seharusnya menjadikan beban yang terlalu banyak di sekolah sebagai alasan mengabaikan bidang pelajaran, manakala belia diminta menjauhkan diri daripada budaya 'lepak'.

"Kalau nak kejar orang yang maju, kita perlu lebih pantas, lebih cepat dan mustahil kita akan dapat dekat mereka jika kita tidak sanggup berjalan atau berlari lebih cepat," katanya.

Beliau berucap merasmikan Perhimpunan Belia Negara 1993 di Padang Kompleks Sekolah-sekolah Wakaf Mek Zainab, di sini, hari ini. Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan, Senator Datuk Annuar Musa.

Kira-kira 15,000 belia, termasuk unit pakaian seragam dari seluruh negara menyertai perhimpunan tahunan belia yang

pertama kali diadakan di negeri ini.

Dr Mahathir berkata, jika rakyat negara ini tidak sanggup mempelajari pelbagai bidang ilmu khususnya di alam persekolahan, mustahil bagi negara untuk mencapai kemajuan.

Menurutnya, pelajar tidak seharusnya menjadikan sekolah sebagai tempat untuk berseronok, tetapi ia harus digunakan sebagai tempat menimba ilmu.

"Kini negara ini ketinggalan berbanding negara-negara maju dan kita perlu mengejar mereka," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kelonggaran yang diberikan oleh masyarakat barat terhadap golongan pelajar yang bosan belajar dengan memberikan mereka bercuti sehingga setahun, boleh meruntuhkan akhlak mereka.

Menurutnya, pelajar berkenaan digalakkan mengembara ke seluruh dunia, tetapi akhirnya, mereka terjebak dengan budaya hippies, penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

"Bagi kita, walaupun

tertekan sedikit, anak-anak perlu menghadapi cabaran pelajaran di sekolah bagi membolehkan mereka mencapai kejayaan dalam hidup," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Wawasan 2020 kini sudah jadi bahan perbincangan ramai pemimpin politik dan ahli ekonomi di luar negara, termasuk Britain.

Menurutnya, Perbadanan Penyiaran British (BBC) turut mengadakan perbincangan mengenai Wawasan 2020 yang turut disertai oleh Menteri Kabinet British dan pemimpin-pemimpin parti.

Kata beliau, dalam perbincangan itu, pemimpin berkenaan mengakui bahawa wawasan adalah faktor penentu sesebuah negara.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini perlu memahami apa wawasan negara dan tindakan yang perlu diambil untuk memastikan matlamat itu tercapai.

"Negara ini belum tentu maju jika rakyatnya hanya berkata 'kita akan menjadi negara maju pada tahun 2020,'" katanya.